



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 11 OKTOBER 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 11 Oktober 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **10,833 kes** (2,206,502 kes kumulatif, 94.0%);
- Kes baharu : **6,709 kes** (2,346,303 kes kumulatif);
- Kes import : **6 kes** (5 warganegara; 1 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **6,703 kes** [6,454 warganegara (96.3%); 249 bukan warganegara (3.7%)];
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU): **762 kes** (702 kes COVID-19; 60 kes *suspected, probable*, dan kes dalam siasatan);
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **398 kes** (298 kes COVID-19; 100 kes *suspected, probable*, dan kes dalam siasatan);
- Jumlah kluster : **5,597 kluster**;

- Jumlah kluster baharu : **9 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **4,803 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **794 kluster**.

Daripada **6,709 kes** harian yang dilaporkan pada hari ini;

- **144 kes (2.1 peratus)** adalah kategori 3, 4, dan 5; dan
- **6,565 kes (97.9 peratus)** lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2.

Perincian kluster-kluster baharu dan nilai RT mengikut negeri adalah seperti di Lampiran 1 dan 2 yang disertakan bersama kenyataan media ini. Manakala, maklumat terperinci lain berkenaan situasi semasa jangkitan dan penularan COVID-19 di Malaysia akan dimuatnaik ke laman web COVIDNOW di <https://covidnow.moh.gov.my>. Data akan dikemaskini pada jam 12:00 tengah malam setiap hari.

ANALISA SITUASI SEMASA JANGKITAN COVID-19 DI MALAYSIA


Malaysia telah menunjukkan situasi penularan jangkitan COVID-19 yang semakin pulih dalam beberapa minggu kebelakangan ini khususnya daripada aspek purata kes harian, jumlah kluster, kadar vaksinasi, dan kapasiti hospital. Situasi ini sedikit sebanyak menunjukkan kesediaan negara serta masyarakat untuk memasuki fasa endemik.

i) Kes Harian

Secara keseluruhannya, KKM mendapati trend yang menurun sejak Minggu Epidemiologi (ME) ke-34 bagi indikator utama seperti kes harian, kes aktif, kematian, kes ICU, dan yang memerlukan alat bantuan pernafasan. Pada ME ke-40 iaitu daripada 3 Oktober 2021 sehingga 9 Oktober 2021;

- Terdapat sebanyak 63,722 kes COVID-19 yang telah dilaporkan berbanding 83,368 kes yang dilaporkan pada ME ke-39 (**penurunan sebanyak 23.6 peratus**). Penurunan ini juga telah berlaku secara konsisten sejak enam (6) minggu kebelakangan (ME ke-34);
- Sebanyak 133,806 kes aktif dilaporkan pada ME ke-40 (**penurunan 21.0 peratus** berbanding ME ke-39);

- 700 kes kematian dengan purata 100 kes kematian sehari pada ME ke-40 (**penurunan 50.2 peratus** berbanding ME ke-39);
- 778 kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) (**penurunan 9.0 peratus** berbanding ME ke-39);
- 331 kes yang memerlukan bantuan pernafasan (**penurunan sebanyak 11.2 peratus** berbanding ME ke-39); dan
- Penurunan nilai *R-Naught* (R_t) sebanyak 0.2 peratus bagi setiap hari.














Graf 1 : Taburan Kumulatif kes COVID-19 Di Malaysia

ii) *Kluster*

Terdapat sebanyak 79 kluster yang dilaporkan dalam ME ke-40. Daripada jumlah ini;

- Terdapat penurunan sebanyak 21 kluster berbanding ME ke-39 (**penurunan sebanyak 21.0 peratus**)
- 43 kluster (54.4 peratus) adalah merangkumi kluster tempat kerja, 25 kluster komuniti (31.7 peratus), enam (6) kluster kumpulan berisiko tinggi (7.6 peratus), dan lima (5) kluster keagamaan (6.3 peratus).

	Wk 39 (26/09 – 02/10)	Wk 40 (03/10 – 09/10)	Changes (Wk 39/40) (%)
Cumulative clusters	5501	5580	 1.4
Active clusters	1044	845	 19.1
Closed clusters	270	278	 3.0
New clusters	100	79	 21.0
New cluster category			
1. Workplace	50	43	 14.0
2. Community	44	25	 43.2
3. High Risk Group	4	6	 50.0
4. Education institution	0	5	 500.0
5. Detention Centre	1	0	 100.0
6. Religious Activity	1	0	 100.0
7. Import	0	0	 0.0

Jadual 1: Jumlah Kluster Mengikut Kategori bagi ME ke-39 dan ME ke-40

iii) *Vaksinasi*





Sehingga 10 Oktober 2021, sejumlah 24, 963, 595 individu telah mendaftar bagi mendapatkan vaksinasi COVID-19. Seperti yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semalam, sebanyak 90.0 peratus daripada populasi dewasa telah menerima suntikan vaksin COVID-19 lengkap. Manakala, sebanyak 65.2 peratus daripada keseluruhan penduduk telah menerima suntikan vaksin COVID-19 lengkap.

iv) *Kapasiti Hospital*

Terdapat sebanyak 16,199 buah katil wad biasa dan 1,514 katil wad ICU telah diperuntukkan oleh KKM bagi merawat pesakit COVID-19.

- Daripada jumlah tersebut, sebanyak 8,164 buah katil yang digunakan sepanjang ME ke-40 berbanding minggu sebelumnya (**penurunan sebanyak lima (5) peratus**);
- Sebanyak 16,912 katil digunakan di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC). Ini adalah **penurunan sebanyak tiga (3) peratus** berbanding minggu sebelumnya;
- Manakala bagi katil ICU, penggunaan adalah sebanyak 831 katil (**penurunan sebanyak 7 peratus** berbanding ME ke-39); dan

- Sebanyak 1,267 buah alat bantuan pernafasan awam yang digunakan (**penurunan sebanyak tiga (3) peratus** daripada minggu sebelumnya).

Hospital Facility	Total available (Mean)	Number occupied by COVID19/suspected/probable patients (Mean)	Mean Occupancy (%)	Change Wk 40 - Wk 39 (%)
Hospital Beds	16,199	8,164	50%	 5 %
Beds in Low Risk Quarantine & Treatment Centre (Public and Detention)	32,892	16,912	51%	 3 %
ICU Beds (Total)	1,514	831	55%	 7 %
Ventilators (Total)	2,886	1,267	44%	 3 %

Jadual 2 : Kapasiti hospital dan ICU di Hospital Awam

Selaras dengan perkembangan positif ini, masyarakat dinasihatkan agar tidak leka dan cepat berpuas hati dengan status semasa jangkitan COVID-19 di negara. Kita wajar mengambil pengajaran dari peristiwa kenaikan kes COVID-19 yang mendadak sebelum ini sehingga melumpuhkan pelbagai sektor ekonomi dan sosial.

Sehubungan itu, melalui inisiatif **reopening safely**, semua pihak perlu memainkan peranan yang penting bagi bersama-sama memutuskan rantai COVID-19 di Malaysia. KKM ingin

menasihatkan kepada semua rakyat Malaysia agar sentiasa mengamalkan pematuhan (SOP) dan meningkatkan penilaian sendiri TRIIS (*Test, Report, Isolate, Inform, and Seek*) terutamanya apabila sempadan negeri dibuka semula pada hari ini.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak, sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash, Wear** dan **Warn**).
- Sentiasa memakai pelitup muka di kawasan awam yang tertutup. Pemakaian pelitup muka berganda adalah digalakkan.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai norma baharu dan dapatkan vaksin COVID-19 bagi mengurangkan risiko jangkitan yang serius, bilangan kes kematian sekaligus membina imuniti kelompok. Dengan pengambilan vaksin, kita dapat melindungi orang di sekeliling daripada kemungkinan jangkitan COVID-19. Dengan imuniti kelompok yang terbentuk, kumpulan yang belum layak diberi imunisasi seperti kanak-kanak dapat dilindungi. Perlindungan untuk semua bermula daripada diri kita.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. KKM akan memastikan langkah

pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

11 Oktober 2021 @ 5:30 petang.

LAMPIRAN 1**KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA
PADA 11 OKTOBER 2021**

NO	NAMA KLUSTER	KATEGORI KLUSTER	NEGERI	DAERAH	JUMLAH KES	JUMLAH DISARING
1	Sri Jaya Tangkak	Komuniti	Johor	Tangkak	10	21
2	Jalan Tangkak Dua	Komuniti	Johor	Tangkak	10	12
3	Lorong Binjai Manis	Komuniti	Kelantan	Kota Bharu	10	16
4	Bukit Gabang	Komuniti	Pahang	Temerloh	15	38
5	Industri Batu Lima	Tempat Kerja	Negeri Sembilan	Seremban	11	44
6	Jalan Dato' Hamid	Tempat Kerja	Kelantan	Pasir Mas	5	6
7	Lorong Kapal	Kumpulan Berisiko Tinggi	Pulau Pinang	Seberang Perai Utara	23	50
8	Jalan Pekaka Lapan	Kumpulan Berisiko Tinggi	Selangor	Petaling	27	31
9	Jalan Ipoh-KL Serendah	Pendidikan Lain	Selangor	Hulu Selangor	16	53

LAMPIRAN 2**NILAI R_T MENGIKUT NEGERI
BERDASARKAN KES YANG DILAPORKAN
PADA 10 OKTOBER 2021**

NEGERI	NILAI R_T
WP PUTRAJAYA	1.05
PERLIS	1.03
NEGERI SEMBILAN	1.02
KELANTAN	0.95
TERENGGANU	0.95
PAHANG	0.93
MELAKA	0.92
WP KUALA LUMPUR	0.88
SELANGOR	0.86
PERAK	0.86
SABAH	0.84
SARAWAK	0.83
JOHOR	0.83
PULAU PINANG	0.83
KEDAH	0.78
WP LABUAN	0
MALAYSIA	0.87